

**Najib sifatkan Mahadzir tokoh intelektual disegani, berani lontar idea**  
**Utusan Online**  
**06 September, 2012**

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kematian bekas Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Mahadzir Mohd. Khir sebagai kehilangan besar kepada negara, politik dan bidang intelektual tanah air.

Sambil menyifatkan Allahyarham sebagai ahli politik yang berani bersuara dan mempunyai idea bernas, Najib turut mengakui beliau telah lama mengenali Allahyarham secara peribadi.

Kata beliau, Allahyarham merupakan tokoh intelektual yang disegani dan tidak pernah kering dengan idea-idea bernas serta berani melontarkan idea-ideanya.

Saya mengenali Allahyarham sejak memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO lagi. Ketika itu, kami sering adakan percanggahan idea bersama.

Sudah tentu pemergian beliau merupakan kehilangan besar kepada negara. Kita kehilangan seorang pemimpin yang berani bersuara dengan idea-ideanya dan merupakan seorang tokoh intelektual serta ahli politik disegani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menziarah jenazah Mahadzir di kediaman Allahyarham di Petaling Jaya, di sini malam ini.

Mahadzir, 67, meninggal dunia kira-kira pukul 4.30 petang ini di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) akibat pendarahan dalam kepala.

Jenazah Allahyarham dijangka dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara dekat sini pukul 10 pagi esok.

Allahyarham yang pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Pelajaran meninggalkan isteri, Datin Seri Amla Salleh serta tiga anak lelaki iaitu Muhamad Anas; Muhamad Shakir dan Muhamad Salleh.

Menurut anak sulung Allahyarham, Muhamad Anas, 35, arwah bapanya diserang strok petang semalam ketika sedang berehat di rumah.

Katanya, mereka sekeluarga terkejut dengan kejadian itu memandangkan arwah bapanya tidak pernah mengadu sakit sebelum ini dan kelihatan sihat.

Arwah bapa pernah menjalani pembedahan jantung pada 2004 tetapi bertambah baik selepas itu dan tidak pernah mengadu sakit. Sebelum diserang strok semalam pun arwah bapa tidak menunjukkan tanda-tanda sakit.

Sebaik sahaja diserang strok, kami terus membawanya ke PPUM. Doktor mengesahkan arwah bapa koma sebelum meninggal dunia petang ini," jelasnya.

Menurut Muhammad Anas, arwah bapanya merupakan seorang yang ikhlas dan suka menolong sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120906/dn\\_04/Najib-sifatkan-Mahadzir-tokoh-intelektual-disegani-berani-lontar-idea](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120906/dn_04/Najib-sifatkan-Mahadzir-tokoh-intelektual-disegani-berani-lontar-idea)